

**PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**



### **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MERANGKAP MENTERI PEMBANGGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM KESELAMATAN KANAK-KANAK SAHABAT B.I.J.A.K: SELAMAT DAN LINDUNG (SAFE & PROTECT) SEMPENA HARI KANAK-KANAK SEDUNIA**

**12 OKTOBER 2019**

**SMK PUTRAJAYA PRESINT 8(1)**

## **SALUTASI**

**(Akan disediakan kemudian)**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdullilah, segala puji dan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan Rahmat dan Izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Program Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat Dan Lindung (*Safe & Protect*) Sempena Hari Kanak-Kanak Tahun 2019.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan khususnya Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya, pihak Pengurusan dan tenaga pengajar Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(1) dan SK Putrajaya Presint 8(1) atas kerjasama dalam menjayakan Majlis pada hari ini.
3. Anda semua telah menyumbangkan tenaga, buah fikiran serta ruang kepada kami untuk melaksanakan program pada hari ini.

***Hadirlin-hadirat dan anak-anak yang dimuliakan,***

4. Program ini dilaksanakan dengan kolaborasi strategik JKM bersama pelbagai agensi antaranya seperti:
  - i. Kementerian Kesihatan;
  - ii. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
  - iii. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM);
  - iv. Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah-sekolah yang terlibat,
  - v. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dan agensi-agensi lain.
5. Seramai **76,229 peserta** daripada **337 buah sekolah** di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program ini sejak penganjuran kali pertama pada tahun 2016. Alhamdulillah.
6. Pelaksanaan program pada hari ini adalah acara kemuncak **Program Keselamatan Kanak-Kanak - Sahabat B.I.J.A.K: Selamat dan Lindung “Safe And Protect”** di seluruh negara.

7. Program ini diisi dengan taklimat informatif dan **panduan khusus berkaitan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak** yang disampaikan oleh pelbagai agensi dan pertubuhan mengikut bidang dan portfolio masing-masing serta aktiviti-aktiviti interaktif untuk kanak-kanak seperti senamrobik, pertandingan mewarna dan beberapa aktiviti lain.
8. Pendekatan advokasi dan pencegahan yang digunakan bagi menangani kes penderaan, kecuaian serta gejala sosial yang lain didapati lebih “cost effective” berbanding dengan intervensi pemulihan.
9. Antara contoh taklimat yang disampaikan adalah oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).
10. Saya pasti anda semua yang menerima taklimat tersebut telah mendapat sedikit sebanyak maklumat dan garis panduan berkaitan peraturan, keselamatan dan undang-undang di jalan raya serta tips-tips berguna berkaitan tanggungjawab menggunakan media sosial dan isu keselamatan siber.
11. Manfaatkanlah maklumat-maklumat yang telah diperolehi pada hari ini sebagai panduan anda sampai bila-bila.

#### **INISIATIF KERAJAAN BAGI MEMPERKASAKAN KANAK-KANAK**

***Hadirin hadirat yang dimuliakan,***

12. Kita meraikan Hari Kanak-kanak pada mana-mana hari Sabtu pada bulan Oktober setiap tahun.
13. Kementerian telah memilih “**Kesejahteraan Kanak-kanak Tanggungjawab Bersama**” sebagai tema **Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2019** selari dengan tema Hari Kanak-kanak Peringkat Antarabangsa iaitu “**For Every Child A Childhood**”.
14. Ia merupakan manifestasi tanggungjawab semua pihak merentasi batas agama, kaum dan kelas sosial di negara ini untuk sama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan kebijakan dan kesejahteraan kanak-kanak secara menyeluruh.

15. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperkasakan kanak-kanak daripada pelbagai aspek.
16. Antaranya, Kerajaan telah melancarkan **Video Pendidikan Seksual "Safe Touch and Bad Touch"**, khususnya melalui rangkaian KPWKM di YouTube, untuk memberikan pendedahan kepada kanak-kanak mengenai interaksi fizikal dimana terdapat sentuhan-sentuhan di tempat-tempat sensitif yang tidak boleh dilakukan.

Selain kanak-kanak, ibu bapa juga boleh menggunakan video ini sebagai sumber maklumat mengenai pendidikan seksual.

17. Isu penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak (Child Sexual Abuse) adalah sangat membimbangkan lebih-lebih lagi dalam era dunia tanpa sempadan dengan kemudahan gajet dan internet yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja.
18. Kita mahu tanamkan kesedaran mengenai wujudnya “Cyber Sex Grooming” (Pengantunan Siber) melalui pelbagai medium di media sosial dan kita mahu kanak-kanak dilengkapkan dengan maklumat dan panduan untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa pihak-pihak yang sangat tidak bertanggungjawab.
19. Selain itu, daptan terkini turut menunjukkan kejelikkan yang terdapat di dalam “Dark Web” mengenai bahan-bahan lucah kanak-kanak (Child Pornography) yang dimuat turun oleh pengguna internet di Malaysia.
20. Oleh itu, Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani masalah ini antaranya melalui pelaksanaan program Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP) dengan kerjasama NGO-NGO yang berkaitan.
21. Selain itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut melaksanakan modul **Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI)** yang merupakan komponen utama bagi **Program Pendidikan Seksualiti Dan Kesihatan Reprouktif (Sexual and Reproductive Health Education)**.

22. Melalui program ini, remaja diberikan pendedahan mengenai pendidikan seksual bagi melindungi diri mereka supaya tahu membezakan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan daripada segi perhubungan sama ada antara ahli keluarga ataupun orang luar.
23. Melalui modul ini juga, ibu bapa diberikan panduan mengenai ilmu keibubapaan, merangkumi cara-cara menguruskan keluarga dan anak-anak.
24. Saya menyeru kepada semua golongan masyarakat, sertailah program ini dan ambillah manfaat daripadanya.

***Hadirin-hadirat yang dimuliakan,***

25. JKM telah melancarkan **Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK)** pada 1 April 2019.
26. Sistem ini berfungsi untuk membolehkan mana-mana individu atau organisasi yang menguruskan atau terlibat dalam penjagaan kanak-kanak untuk menyemak rekod berkaitan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak bagi pekerja sedia ada atau mana-mana pemohon kerja baru.
27. Sehingga **30 September 2019**, sebanyak **134 permohonan** telah dibuat oleh individu atau organisasi dan sebanyak **2,147 pekerja telah disemak melalui sistem ini**.
28. Selain itu, KPWKM juga telah menghasilkan **Senarai Semak/Panduan: Pemilihan Pengasuh di Rumah** bertujuan untuk membantu ibu bapa/penjaga dalam membuat pertimbangan pemilihan pengasuh di rumah untuk kanak-kanak dalam jagaan mereka.
29. Senarai semak ini memberikan maklumat dan panduan kepada ibu bapa dan penjaga untuk mengenali tanda-tanda penderaan kanak-kanak melalui indikator-indikator yang disenaraikan.
30. Senarai semak ini boleh didapati di laman web KPWKM dan turut disebarluaskan melalui pengiklanan dalam pengangkutan awam yang terpilih, media sosial dan saluran-saluran lain.

31. KPWKM turut berkerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) bagi melaksanakan inisiatif Program Galakkan Pendaftaran TASKA dengan JKM melalui pemberian **diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus** yang telah dilancarkan pada 26 September 2019 yang lalu, dan pemberian diskau ini **berkuatkuasa mulai 1 November 2019 sehingga 31 Disember 2020**.
32. Terdapat banyak lagi inisiatif yang sedang dilaksanakan dan dirancang bagi memperkasakan dan melindungi kanak-kanak serta memastikan kesejahteraan mereka terjamin di Negara kita.

### **STATISTIK TERKINI BERKAITAN PENGANIAYAAN KANAK-KANAK**

***Hadirin-hadirat yang dimuliakan,***

33. Rekod JKM bagi **kes penganiayaan kanak-kanak** menunjukkan sebanyak **4,982 kes** dilaporkan pada **tahun 2016**, dan berlaku **peningkatan** sebanyak **8.1%** kepada **5,422 kes** pada **tahun 2017**.
34. Bagi **tahun 2018** peratusan kes meningkat sebanyak **20.59%** menjadi **6,274 kes**.
35. Sehingga **Mac 2019** kita merekodkan **1,623 kes** yang telah dilaporkan dan diuruskan oleh JKM.
36. Rekod laporan kes penganiayaan kanak-kanak yang semakin meningkat ini adalah membimbangkan namun saya percaya ini juga merupakan hasil peningkatan kesedaran orang ramai untuk melaporkan kes-kes sedemikian.
37. Akta Kanak-Kanak 2001 telah menetapkan dengan jelas di bawah Seksyen 27, 28, 29 dan 29A berkaitan tanggungjawab dan kewajipan Pegawai Perubatan atau pengamal perubatan, mana-mana anggota keluarga, pengasuh kanak-kanak dan mana-mana orang untuk melaporkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya mengetahui bahawa ada kanak-kanak yang dicederakan daripada segi fizikal akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seksual.

38. Saya menyeru kepada semua pihak yang berkaitan, lebih-lebih lagi ibu bapa, saudara mara dan ahli keluarga yang lebih dewasa untuk memainkan peranan masing-masing untuk melindungi mereka daripada sebarang penganiayaan.
39. Manfaatkanlah segala kemudahan dan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan pada masa ini untuk kita bersama-sama memperkasakan kanak-kanak dan dapatkanlah maklumat daripada agensi-agensi yang berkaitan sekiranya anda kurang jelas berkaitan perkara ini.

### **BAJET 2020**

***Hadirlin-hadirat dan anak-anak yang dimuliakan,***

40. Seperti yang anda semua sedia maklum, Pembentangan Bajet 2020 telah dilaksanakan semalam di Dewan Parlimen.
41. Dalam Bajet 2019, Kerajaan telah memperuntukkan RM 10 juta untuk penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) baru di bangunan Kerajaan dan sejumlah 66 buah TASKA telah mendapat manfaat berbanding sasaran awal 50 TASKA.
42. Bagi tahun 2020, Kerajaan telah bertindak prihatin dengan meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi TASKA di bangunan Kerajaan, terutamanya di hospital dan sekolah pada tahun hadapan.
43. InnsyaAllah lebih banyak TASKA akan dapat diwujudkan dan lebih banyak keluarga, ibu bapa dan anak-anak yang akan mendapat manfaat daripada peruntukan ini.
44. Selain itu, bagi meringankan beban kewangan ibu bapa yang menghantar anak untuk pendidikan awal ke TASKA dan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) berdaftar, pelepasan cukai individu bagi yuran yang dibayar akan dinaikkan daripada RM1000 kepada RM2000.
45. Kita berharap lebih ramai ibu bapa atau penjaga akan memilih untuk menghantar anak ke pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan anak-anak lebih terjamin.
46. Dalam bidang pendidikan bagi Kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU), Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM 23 juta kepada Sekolah Kebangsaan untuk meningkatkan kemudahan dan tahap aksesibiliti sekolah untuk menjadikannya lebih mesra OKU.

47. Ini selari dengan dasar penolakan sifar (*zero reject*) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan di mana tiada kanak-kanak OKU dinafikan hak pendidikan disebabkan kelainan upaya mereka. Alhamdulillah.
48. Bajet kali ini lebih seimbang (*balanced*) dan menyeluruh (*inclusive/wholistic*).
49. Saya berbesar hati kerana kaum wanita dan kanak-kanak turut diberi keutamaan, dan yang lebih penting, bajet ini adalah bajet untuk semua.

## **PENUTUP**

***Hadirlin-hadirat dan anak-anak yang dimuliakan,***

50. Tahniah sekali lagi kepada Jawatan Kuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini.
51. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin berpesan,
52. Anak-anak sekalian, jauhilah perkara-perkara yang memudaratkan kerana cabaran sosial pada masa kini adalah berbeza dan lebih kompleks berbanding sebelum ini.
53. Peganglah nilai-nilai murni dan amalkanlah akhlak-akhlak mulia dalam kehidupan sehari-hari anda sama ada di sekolah atau pun di rumah.
54. Kepada ibu bapa dan guru-guru, bimbinglah anak-anak ini dengan penuh hikmah dan sabar.
55. Pastikan mereka mendapat bantuan yang bersesuaian sekiranya terdapat masalah dalam apa jua keadaan.
56. Anda juga mestilah sentiasa menjaga kesejahteraan diri sendiri supaya sentiasa bersedia fizikal dan mental untuk menjadi pembimbing kepada anak-anak ini.
57. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmannirahim saya merasmikan Program Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat Dan Lindung (*Safe and Protect*) Sempena Hari Kanak-kanak Sedunia Tahun 2019 pada hari ini.

Sekian,wabillahhitaufiqwalhidayah, wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.  
Terima kasih.